

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 Pengenalan

Hari Jumaat merupakan hari yang sangat istimewa bagi umat Islam iaitu hari yang penuh dengan keberkatan, kemuliaan dan sebagai hari melipat gandakan amal ibadat kepada Allah S.W.T. Hikmah hari Jumaat atau dalam bahasa Arabnya “*Jumu’ah*” yang berasal daripada perkataan “*jama’a*”, bermakna ‘berkumpul’. Berkumpul yang dimaksudkan di sini ialah menunaikan solat dan mendapatkan ilmu (melalui khutbah) dengan ‘duduk sama rendah berdiri sama tinggi’ bersama-sama jemaah lain tanpa mengira warna kulit atau pangkat, kekayaan, dan keupayaan. Pada waktu inilah nilai manusia itu sama, yang membezakannya hanyalah iman dan takwa yang terbit tanpa disedari.

Penyampaian khutbah Jumaat yang efektif perlulah di ambil kira dan diutamakan. Hal ini kerana khutbah Jumaat juga merupakan satu wadah dakwah yang berkesan di samping memberi keutamaan kepada para jemaah dalam mendapat ilmu, tunjuk ajar serta nasihat yang berguna dan juga dapat menyebarkan info-info Islam untuk seluruh jemaah dari masa ke semasa. Sememangnya jika dilihat peranan institusi khutbah Jumaat sangat bernilai dan mempunyai potensi besar bagi membentuk agenda tertentu bagi meningkat taraf kehidupan umat Islam ke arah kecemerlangan pada masa kini.

Oleh demikian, di dalam bab ini akan dipaparkan ringkasan keseluruhan hasil kajian dan merumuskan penemuan penting yang telah diperolehi, seterusnya pengkaji turut mengemukakan beberapa saranan dan cadangan kepada pihak yang berkaitan.

5.2 Rumusan

Secara rumusannya kajian ini merupakan satu kajian yang bertujuan untuk mengkaji penggunaan dan penerimaan jemaah terhadap khutbah Jumaat multimedia. Apa yang dapat dirumuskan oleh pengkaji bahawa tidak dapat dinafikan sesungguhnya khutbah Jumaat sangat memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Islam sekaligus dijadikan sebagai satu platform dakwah yang diamanahkan oleh Allah S.W.T untuk menegakkan yang makruf dan mencegah kemungkaran. Berikut adalah hasil-hasil kajian yang akan dihuraikan oleh pengkaji di dalam bab ini.

5.2.1 Pengaplikasian multimedia dalam penyampaian dakwah Islam melalui khutbah Jumaat

Dalam mencanang ilmu dan mengajak manusia ke arah kehidupan yang lurus berasaskan tuntutan agama yang tepat, kita perlu menggunakan pelbagai teknik dan pendekatan yang sewajarnya. Salah satu punca majlis-majlis ilmu agama kurang mendapat sambutan ialah cara penyampaian yang masih tergolong dalam kategori usang.²³⁶ Khutbah Jumaat adalah medan dan kesempatan yang paling baik untuk kita menyampaikan segala berita, isu, perkembangan, permasalahan, ilmu dan didikan mengenai dunia Islam.

²³⁶Nurhayati Abdullah, Khutbah Multimedia Dapat Mengelak Kebosanan, Berita Harian, 9 Februari 2006.

Selain itu, pengaplikasian multimedia merupakan instrumen dalam penyampaian khutbah Jumaat dan menjadikan saluran tersebut sebagai satu wadah dakwah yang berkesan. Penemuan ini terbukti berdasarkan kepada data yang diperolehi bahawa secara keseluruhannya iaitu sebanyak 89% responden bersetuju dan tidak keliru dengan persembahan tayangan multimedia dan penyampaian khutbah Jumaat. Secara pastinya, jemaah bukan sahaja dapat mendengar khutbah malah dapat melihat kandungan khutbah Jumaat yang dipaparkan. Dengan itu, para jemaah lebih mudah memahami dan lebih selesa menghayati khutbah yang disampaikan. Pakar-pakar psikologi pendidikan berpendapat bahawa, pendengaran hanya memberikan 70% sahaja kepada hasil penerimaan pengajaran (penyampaian khatib). Berbanding mereka yang menggunakan pendengaran dan penglihatan akan menghasilkan 100% penghasilannya. Di samping itu, penglihatan melalui pendekatan tayangan LCD akan dapat merangsang mata daripada mengantuk, membuka fikiran dari beku dan memberikan fokus dari khayalan.²³⁷

Selain itu, hasil kajian juga memperlihatkan bahawa 97% daripada responden mengakui bahawa penyampaian khutbah Jumaat multimedia boleh dijadikan sebagai saluran medium dakwah yang berkesan. Kemahiran menggunakan ICT di dalam penyampaian mesej dakwah memberi impak yang cukup besar kepada orang yang menerima dakwah. Lantaran itu, penggunaan seperti komputer riba, LCD, audio dan pelbagai program komputer seperti *power point* dan sebagainya juga merupakan wasilah ke arah uslub dakwah yang berkesan. Seajar dengan ini multimedia mula dianggap sebagai wahana penyebaran dakwah yang efektif dan berkesan.

²³⁷http://eprints.uthm.edu.my/1846/1/peranan_ict_dalam_penyebaran_dakwah_pm_dr_muhammad_dawilah_2009.pdf, 22 Oktober 2011.

5.2.3 Kaedah penggunaan khutbah Jumaat multimedia JAWI di Masjid SABA

Kaedah penggunaan khutbah Jumaat multimedia JAWI di Masjid SABA telah dirungkaikan oleh pengkaji pada bab tiga. Enam kaedah yang dilaksanakan oleh JAWI bermula dengan penyediaan intisari khutbah sehinggalah kepada proses tayangan merupakan proses pelaksanaan untuk menghasilkan khutbah Jumaat multimedia yang berkualiti dan bermutu tinggi. Namun, hasil kajian juga memperlihatkan bahawa di sebalik kaedah yang terancang dan bermutu tinggi terdapat juga kekurangan dari aspek teknikal. Justeru, melalui kajian ini diharapkan agar pihak JAWI mengambil tindakan dalam usaha penambahbaikan dalam aspek kekurangan atau kelemahan yang dihadapi.

5.2.4 Penerimaan para jemaah terhadap penyampaian khutbah Jumaat multimedia

Data mendapati bahawa secara keseluruhannya, keberkesanan pencapaian matlamat penggunaan saluran multimedia dalam khutbah Jumaat telah dapat dicapai dengan baik. Ini terbukti di dalam penemuan kajian yang menunjukkan bahawa sebanyak 83% di kalangan responden Masjid SABA sangat berpuas hati dan dapat menerima penggunaan elemen tersebut.

Dengan menggunakan teknologi canggih semasa penyampaian khutbah adalah satu usaha proaktif ke arah menarik umat, terutamanya golongan remaja untuk mendekati masjid. Penerimaan jemaah adalah atas dasar kaedah yang digunakan adalah lebih efektif untuk menjadikan penyampaian khutbah itu mudah difahami dan diteliti oleh mereka.

Selain itu, melalui hasil gabungan grafik dan tulisan yang berwarna-warni dalam persembahan pengisian program *power point* dapat lagi menarik perhatian dan tumpuan

para jemaah sekaligus dapat mengelak jemaah dari merasa bosan, leka dan mengantuk. Di samping itu, pengkaji juga menerima respon positif daripada para jemaah yang mengakui bahawa paparan gambar multimedia secara tidak langsung dapat mengukuh dan menjelaskan isi kandungan khutbah serta mempengaruhi makmum yang melihatnya. Selain itu, pendekatan baru ini juga dapat memberi manfaat kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Oleh itu, kemudahan teknologi yang digunakan sepenuhnya adalah untuk tujuan kebaikan para jemaah secara khususnya.

Walaupun bagaimanapun, daripada kelebihan-kelebihan yang didapati terdapat juga kekurangan yang diperolehi. Berdasarkan kepada hasil kajian, data menunjukkan sebanyak 27% daripada golongan orang tua tidak berpuas hati terhadap pengaplikasian tersebut. Antara faktor yang tidak mempengaruhi penerimaan golongan tua terhadap khutbah Jumaat multimedia adalah berdasarkan kepada tahap minat dan daya penglihatan. Kepuasan daripada sebahagian penerimaan mereka adalah lebih berminat dan cenderung dengan penyampaian khutbah tanpa bantuan alat multimedia. Selain itu, faktor usia yang semakin meningkat juga menyebabkan penglihatan mereka agak kabur dan kurang jelas terhadap sesuatu objek yang ditayangkan.²³⁸ Namun begitu, terdapat beberapa aspek teknikal seperti saiz dan warna tulisan yang kurang sesuai dan jelas pada sebahagian slaid, kedudukan skrin pada masjid serta pelaksanaan multimedia perlu ditekankan dan dititikberatkan oleh pihak JAWI.

²³⁸ En. Zainal Abidin b. Dan , Pengurus Zee Optic Eyewear. Temubual pada 5 Oktober 2011.

5.3 Saranan dan Cadangan

Setelah rumusan ringkas dibuat, berikut merupakan saranan dan cadangan yang diutarakan oleh responden dan pengkaji kepada pihak terbabit dalam mengenalpasti beberapa aspek yang difikirkan perlu dipertingkatkan lagi dalam penambahbaikan serta mengemaskinikan khutbah Jumaat multimedia di Masjid SABA, Bangsar. Berikut adalah sebahagian saranan dan cadangan yang didapati dari soal selidik kepada pihak JAWI di unit Latihan dan Khutbah terhadap pelaksanaan khutbah multimedia.

5.3.1 Saranan Kepada Pihak JAWI Unit Latihan dan Khutbah

5.3.1.1 Pelaksanaan khutbah Jumaat multimedia dari aspek teknikal:

- a) Saiz tulisan pada setiap slaid untuk intisari khutbah perlulah diperbesarkan .

Saiz fon yang disarankan pada tulisan slaid adalah 36 hingga 40 cm. Teks yang terlalu banyak sukar dibaca dan difahami. Lagi pendek garisan lagi cepat boleh dibaca dan akan mempengaruhi kefahaman dan ingatan seseorang pengguna. Lapan hingga sepuluh patah perkataan dalam satu garisan merupakan jumlah yang optimum.

- b) Penggunaan warna dan tulisan pada latar belakang slaid.

Kombinasi warna antara tulisan dan latar belakang slaid perlulah berbeza atau kontra pemilihan warnanya, agar setiap tulisan yang tertera dapat dibaca dengan lebih tepat dan jelas. Warna yang terang atau gelap pada latar belakang atau gambarajah slaid tidak sesuai digandingkan dengan tulisan yang berwarna putih. Warna tulisan yang disarankan adalah warna biru, merah dan hijau.

Cadangan warna ini adalah bersesuaian dengan apa yang diperkatakan oleh Richard J. Gerrig, Philip G. Zimbardo di dalam buku mereka yang bertajuk *Psychology and Life*.²³⁹ Ini adalah kerana sifat warna-warna tersebut dapat menghasilkan warna dan cahaya yang terang dan jelas apabila ditayangkan pada jarak yang jauh.

c) Animasikan gambar pada slaid khutbah.

Persembahan slaid akan tampak lebih menarik dan ceria seandainya logo JAWI, tajuk khutbah yang terletak di bahagian penjuru bawah slaid dan sesetengah dari grafik gambar perlulah di animasikan. Hal ini bertepatan dengan ilmu psikologi yang menyatakan bahawa mata manusia akan lebih tertumpu dan tertarik jika pada penglihatannya terdapat benda atau gambar yang bergerak-gerak. Benda yang bergerak (*movement*) akan menjadi tarikan perhatian.²⁴⁰

d) Lebihkan inisari khutbah pada slaid kepada bentuk ringkasan dan gambarajah mudah. Ini adalah untuk memudahkan kepada para jemaah untuk lebih memahami dan lebih fokus terhadap penyampaian serta persembahan isi khutbah yang ditayangkan.

e) Tajuk dan isi kandungan khutbah Jumaat perlulah bersesuaian dan dipertingkatkan supaya ia dapat disampaikan dengan lebih segar, terkini serta bertepatan dengan peristiwa semasa dan keadaan realiti yang berlaku dalam masyarakat setempat.

²³⁹ Richard J. Gerrig, Philip G. Zimbardo (2005), *Psychology and Life*, Edisi ke-17, United State of America, h. 112.

²⁴⁰ Abd Aziz Mohd Zin (1999), *Psikologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 66.

Menurut pegawai pengurusan dakwah Munirah Care, Muhammad Khusairi Abdullah berkata, teks khutbah yang disediakan perlu menonjolkan dan menceritakan perkara yang dekat di hati masyarakat.²⁴¹ Ini adalah bertujuan untuk para jemaah lebih menghayati terhadap apa yang disampaikan dan lebih peka terhadap isu-isu semasa yang berlaku di dalam kelompok masyarakat.

- f) Penggunaan dwi-bahasa pada intisari khutbah. Saranan ini adalah bertujuan untuk memudahkan kepada para jemaah warganegara asing terutamanya dan juga kepada para jemaah yang terdiri daripada golongan profesional yang lebih menggunakan bahasa harian mereka dengan bahasa Inggeris.²⁴²
- g) Melakukan penambahbaikan persembahan slaid khutbah Jumaat multimedia dari masa ke semasa dengan mengikut kecanggihan perisian teknologi maklumat masa kini.
- h) Menganjurkan kursus kemahiran ICT (teknologi maklumat) kepada para panel pembikinan khutbah multimedia, para imam, khatib dan ahli jawatan kuasa setiap masjid di bawah seliaan JAWI. Saranan penganjuran ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada semua pihak yang terbabit dalam pengendalian khutbah Jumaat multimedia.

²⁴¹ <http://epondok.wordpress.com/mewujud-penyampaian-khutbah-jumaat-yang-menarik/>, 28 Januari 2011.

²⁴² Ustaz Mohd Abdul Nasir b. Abdullah, Ketua Imam Masjid As-Syakirin KLCC, Kuala Lumpur. Temubual pada 15 Januari 2011.

i) Mempertingkatkan pengurusan khutbah

Pihak JAWI disarankan agar dapat mempertingkatkan lagi pengurusan dan pentadbiran masjid dengan mengadakan berbagai kursus pengurusan masjid meliputi bengkel dan seminar di peringkat daerah, zon dan kebangsaan khususnya berkaitan dengan teknik penulisan dan penyampaian khutbah Jumaat dengan lebih berkesan.

j) Sistem khutbah Jumaat multimedia ini perlu diperluaskan dan di pertanggungjawabkan kepada jabatan agama Islam di negeri masing-masing untuk mempraktikkan kaedah seperti ini. Anjuran ini adalah berdasarkan kepada hasil analisis yang menunjukkan keseluruhan respon dari responden adalah positif. Dengan itu, melalui kaedah ini mereka akan lebih tertarik lagi dan dapat memberi penumpuan dan fokus terhadap penyampaian isi kandungan khutbah.

5.3.2 Saranan Kepada Pihak Masjid SABA

Saranan ini ditujukan kepada pihak imam/ khatib, pegawai lantikan imam JAWI dan kakitangan Masjid SABA. Antara saranan dan cadangannya adalah:

a) Penambahan layar putih atau TV Plasma di setiap ruangan tingkat solat masjid termasuklah kawasan dalam iaitu di bahagian tengah, kiri dan kanan masjid serta di kawasan luar legar masjid. Tujuan penambahan ini adalah supaya kesemua para jemaah yang solat Jumaat di Masjid SABA dapat melihat tayangan slaid khutbah multimedia dengan lebih fokus dan jelas.

- b) Saiz dan kedudukan skrin layar putih.

Skrin di bahagian dewan solat utama agak kecil dan kurang jelas tayangan slaid.

Saiz skrin perlu di gantikan dengan saiz layar yang lebih besar dan bersesuaian dengan keluasan, jarak dan kapasiti jemaah. Selain itu, jarak penglihatan normal manusia adalah pada jarak 30 hingga 40 cm.²⁴³

- c) Mengurangkan pencahayaan di kawasan paparan skrin.

Saranan ini adalah bertujuan untuk menampakkan tayangan slaid multimedia khutbah Jumaat dengan lebih jelas lagi agar tidak diganggu dengan silauan cahaya lampu yang terang.

- d) Meletakkan peti cadangan untuk para jemaah.

Saranan ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada para jemaah menyatakan luahan, hasrat serta pandangan mereka berkaitan hal ehwal semasa masjid terutama berhubung kait dengan isu khutbah Jumaat. Dengan adanya cadangan ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak Masjid SABA memperolehi maklumat dan mempertingkatkan lagi aktiviti pengimarahannya masjid.

5.3.3 Saranan Kepada Para Jemaah

- a) Para jemaah perlu memberi lebih tumpuan terhadap penyampaian khatib dan persembahan slaid multimedia.

²⁴³En. Zainal Abidin b. Dan , Pengurus Zee Optic Eyewear. Temubual pada 5 Oktober 2011.

- b) Para jemaah perlu mengamalkan dan menyebarkan ilmu yang diperolehi daripada penyampaian khutbah Jumaat kepada keluarga dan rakan-rakan di sekeliling agar apa yang diperolehi dapat dikongsi dan dimanfaatkan bersama.

5.3.4 Saranan Bagi Kajian Akan Datang

- a) Kajian yang dilaksana ini lebih ditumpukan kepada penggunaan multimedia dalam khutbah Jumaat di satu masjid sahaja iaitu Masjid SABA, Bangsar Kuala Lumpur. Maka untuk kajian akan datang adalah disarankan agar kajian mengenai penghayatan para jemaah terhadap pengaplikasian multimedia ini di kaji di seluruh masjid-masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bawah seliaan JAWI.
- b) Kajian kini lebih difokuskan kepada pelaksanaan khutbah Jumaat multimedia oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Oleh itu, untuk kajian akan datang disarankan agar membuat perbandingan di antara Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jabatan Agama Islam Terengganu (JAIT) dalam pelaksanaan persembahan khutbah Jumaat multimedia dari aspek teknikal.

5.4 PENUTUP

Khutbah Jumaat juga harus disampaikan secara tepat dengan masa dan perlu dipandang serius dalam usaha mempertingkatkan syiar Islam, termasuk mempelopori satu kaedah baru dalam penyampaian khutbah Jumaat dengan memanfaatkan penggunaan sistem multimedia. Di samping itu, kajian ini menunjukkan tahap penerimaan jemaah

terhadap penggunaan khutbah Jumaat multimedia di Masjid SABA. Justeru, pengaplikasian multimedia dalam khutbah Jumaat mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri pada tahap kepuasan dalam menerima dan memacu para jemaah untuk mendengar khutbah Jumaat dengan cara yang lebih komprehensif dan berkesan.